

SOALAN NO: 95

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN SIM CHEE KEONG

TARIKH: 2 OGOS 2017

SOALAN:

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah Kementerian bagi mengurangkan jurang gaji lelaki dan perempuan seperti dalam Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh 2016.

PR-1352-L02366

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan memberi kebebasan kepada rakyat untuk memilih bidang dan jenis pekerjaan yang mereka inginkan, tidak menyekat atau memaksa mana-mana pekerja untuk bekerja di mana-mana premis pekerjaan. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, tiada peruntukan dan peraturan spesifik di bawah Akta Kerja 1955 (Akta 265) atau peruntukan undang-undang perburuhan negara yang menetapkan majikan untuk menetapkan perbezaan atau jurang gaji pekerja mengikut jantina. Suatu kontrak perkhidmatan wujud apabila majikan bersetuju mengambil seseorang itu bekerja dan pekerja bersetuju dengan terma-terma dan syarat-syarat yang ditawarkan dalam suatu kontrak perkhidmatan. Tawaran gaji oleh pihak majikan berdasarkan jenis pekerjaan, pendidikan, kelayakan serta kemahiran yang diperlukan berdasarkan jenis kekosongan jawatan yang diiklankan.

2. Kementerian sentiasa berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif bagi tujuan melindungi dan meningkatkan kebajikan pekerja. Jika pekerja didefinisikan sebagai 'pekerja' di bawah Jadual Pertama, Akta 265, pekerja boleh memfailkan aduan sekiranya terdapat isu-isu diskriminasi yang berkaitan penggajian untuk siasatan di Pejabat-Pejabat Tenaga Kerja berhampiran tempat pekerjaannya iaitu di 51 pejabat-pejabat Jabatan Tenaga Kerja di Semenanjung, 14 di Sabah dan 12 di Sarawak.